

Headline	400 hadir seminar halal di UPM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 May 2012	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	23	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	59 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 776
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,328



400 hadir seminar halal di UPM

KUALA LUMPUR 1 Mei - Seramai 400 peserta dijangka menghadiri Seminar Kesedaran dan Pembangunan Halal 2012 anjuran Institut Pembangunan Pengurusan Johor Sdn. Bhd. (IPPJ) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 15 Mei ini.

Seminar kali kedua yang akan diadakan di Auditorium Jurutera A, Fakulti Kejuruteraan, UPM itu akan bermula pukul 8 pagi hingga 5 petang.

Pengarah Pusat Pengembangan Keusahawanan dan Pemajuan Profesional (APEEC), Prof. Madya Dr. Nordin Abdul Rahman berkata, seminar tersebut akan memberi pendedahan awal terhadap kepentingan aspek halal yang perlu diutamakan.

“Ia juga bertujuan memupuk sikap prihatin umat Islam terhadap setiap produk yang mereka gunakan dan seterusnya memberi impak besar kepada masyarakat kerana melalui pengguna dapat memilih produk benar-benar halal sahaja,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.